

GEMA PASCAKOLONIALISME DAN PERSOALAN BAHASA

Awang Azman Awang Pawi

Abstrak

Persoalan bahasa tidak akan selesai kerana mempersoalkan kehidupan dahulu, kini, dan masa depan. Sebab itulah persoalan bahasa akhirnya merupakan persoalan kewujudan sesebuah negara bangsa. Setiap negara membangun biasanya akan mempersoalkan bahasa yang menjadi arus utama negara dan pada masa yang sama menilai kedudukan bahasa yang digunakan. Negara yang maju pula lazimnya amat yakin dengan bahasa yang digunakan oleh mereka dan pada masa yang sama terus memperkasa bahasa. Apakah penting bahasa sehingga menjadi persoalan masyarakat hingga menjadi persoalan peringkat negara? Makalah ini meninjau gema pascakolonialisme dan persoalan bahasa dan pengalaman negara kita, dikaitkan dengan beberapa kecenderungan negara lain yang pernah dijajah.

Abstract

The language issue is neverending because it is the question of survival for a nation state. Developing countries often question and assess the language used as the major medium while developed countries are usually certain of their languages and strengthen them from time to time. What is the importance of language that it becomes a consent all society until national issue? This paper will look into the impact of postcolonialism and the issue of language as well as the experience of our country, which will then be compared to the tendencies of other postcolonised countries. The impact is prevalent in this region.

PENDAHULUAN

Pascakolonialisme antara disiplin ilmu yang berkembang dan semakin mendapat tempat dalam kalangan peneliti akademik. Perkembangan ini dapat dilihat melalui penerbitan berbagai-bagai kajian mengenainya daripada konsep dasar hinggalah kepada penelitian dan penyelidikan yang cukup rumit dan membawa persoalan yang besar. Setakat yang saya teliti, terdapat lebih daripada 100 buah buku berkisar tentang pemikiran pascakolonialisme yang begitu berkembang secara pantas sejak tahun 1989 dan lebih separuh daripadanya menggunakan kata kunci tersebut sebagai judul kajian. Kurikulum pendidikan mengenai pascakolonialisme turut berkembang kerana popular dan mendapat tempat dalam kalangan mahasiswa universiti di serata dunia. Pada masa yang sama terbit jurnal yang khusus untuk menampung tulisan mengenai tema tersebut.

Lebih daripada 400 tahun negara kita dijajah dan selama itulah pihak kolonialis telah berjaya mengumpulkan berbagai-bagai bahan penelitian mengenai penduduk peribumi serta membina ilmu mengenainya. Himpunan yang dijadikan ilmu tersebut diabsahkan untuk sekian lama mengikut kepentingan mereka. Dalam konteks Malaysia, nama seperti R.J. Wilkinson, R.O. Winstedt, Hugh Charles Clifford, Frank Swettenham, Shellabear, Stamford Raffles misalnya ialah pentadbir Inggeris yang dianggap sebagai sarjana besar dan terpenting dalam bidang ilmu kolonial Melayu. Ada yang dikatakan orang yang pertama memperkenalkan konsep “the Malay nation”, “the Malay race”, “wilayah Melayu”.

Kolonialisme menghancurkan atau memandang rendah budaya rakyat tempatan seperti seni, tarian, agama, sejarah, geografi, pendidikan, sastera lisan, dan kesusasteraan. Kolonialisme lebih berminat untuk meningkatkan bahasa penjajah, seperti yang dijelaskan oleh Ngugi, 1986:15, Penguasaan bahasa rakyat tempatan oleh bahasa negara yang menjajah merupakan penentu kearah penguasaan kesejagatan mental bagi yang dijajah.

Kesemua tindakan dan penginstitutionian ini dibina dengan kuasa. Konsep kuasalah yang menentukan kebenaran. Hal ini dianggap benar terutama dalam pembinaan ilmu sosial. Justeru pemikir pascakolonialisme bersikap teliti dan berhati-hati dalam setiap wacana yang dikemukakan. Kita yang seharusnya memeriksa serta menilai korpus ilmu yang dibina oleh mereka, kini tiba masanya bagi kita untuk menilai kembali pandangan yang belum tentu mempunyai kebenaran. Hal ini demikian kerana dalam pemikiran pascakolonialisme, yang dianggap ilmu itu dibina dengan kuasa dan kebenaran itu dibina melalui kuasa. Melalui wacana kuasalah dibentuk

empayar. Kata Lommba peneliti pascakolonialisme “ilmu tidak diper-salahkan tetapi semangat berkaitan dengan kendalian kuasa”. (Lommba, 43). Foucault yang terkenal dengan wacana kuasanya juga sebagai pemikir pascastrukturalisme pernah menyatakan bahawa “kuasa di mana-mana, bukan kerana merangkumi segala-galanya, tetapi kerana berasal daripada segenap tempat” (Foucault, 1990: 93). Implikasi daripada kenyataan ini ialah sesiapa sahaja yang berkuasa mampu membina dan menginstitusikan sesuatu wacana walaupun wacana yang dibina oleh mereka kadangkala kosong, lompong dan kurang sempurna dan sesuai dalam sesuatu kedudukan sahaja. Winstedt yang tidak mempunyai latar belakang antropologi, sastera, budaya dan bahasa diterima pula sebagai peneliti sastera Melayu tanpa sebarang keraguan pada ketika itu.¹ Penerimaan ini tidak lain disebabkan oleh kedudukan Inggeris sebagai pentadbir yang dianggap berkuasa dan berpengaruh.

Ahli antropologi, sejarawan, pengkritik kesusasteraan, dan ahli sains sosial menggunakan idea pascakolonialisme untuk menilai kesan kolonialisasi terhadap negara yang dijajah, sama ada secara langsung atau sebaliknya. Tanpa mengambil kira perbezaan jangka atau tempoh masa, ke-lainan sesuatu peristiwa, perbezaan kesan yang dipertimbangkan, biasanya kesemua pemikir pascakolonialisme menyatakan bahawa kolonialisme mempunyai kesinambungan terhadap rangkaian bayangan terhadap bekas tanah jajahan. Hal ini dikaitkan dengan sejarah budaya kolonialisme. Pascakolonialisme memberikan sesuatu kepada masyarakat agar masyarakat mempunyai keupayaan untuk menilai diri sendiri. Daerah kajian cukup kompleks. Sebab itulah dalam pemikiran pascakolonialisme peneliti perlu mempunyai kekuatan latar mengenai sejarah kolonialisme serta penguasaan penelitian sejarah dan kebudayaan dalam daerah kajian ini.

Terdapat dua istilah yang biasa digunakan iaitu pascakolonial dan pasca-kolonialisme. Pascakolonial biasanya digunakan oleh sarjana ekonomi dan sains politik untuk menggambarkan era selepas kolonialisme,² akan tetapi pada tahun 1970-an istilah tersebut memasuki ruang lingkup yang lebih besar iaitu analisis kebudayaan dari sudut kaca mata kritikan sastera dan bidang kebudayaan yang lain. (Ashcroft, Griffith dan Tiffin, 1998:186–92) Biasanya sarjana kebudayaan akan menggunakan pascakolonialisme.

Kajian dasar mengenai pascakolonialisme melibatkan hubungan pengalaman kolonialisme dari zaman lampau hingga sekarang, juga melibatkan wacana pengalaman kepelbagaiaan bentuk seperti perhambaan, migrasi, penindasan dan penentangan, perbezaan, ras, gender, dan resam

terhadap imperialis yang biasanya dikaitkan dengan Eropah termasuk dalam disiplin, falsafah, sejarah, linguistik, antropologi, dan sosiologi. Kolonialisme bukan sekadar menguasai ekonomi, malah menguasai pemikiran masyarakat peribumi itu sendiri seperti yang diungkapkan oleh Ngugi Wa Thiong (1986:15).

Colonialism imposed its control of the social production of wealth through military conquest and subsequent political dictatorship. But its most important area of domination was the mental universe of the colonised, the control through culture, of how people perceived themselves and their relationship to the world. Economic and political control can never be complete or effective without mental control. To control a people's culture is to control their tool of self definition in relationship to others. (Ngugi, 1986:15)

Dalam makalah ini, saya menggunakan judul gema pascakolonialisme dan persoalan bahasa kerana, dari segi sejarah, kedua-duanya mempunyai kaitan. Apabila gema pascakolonialisme berlaku, impaknya ialah terhadap ruang lingkup persoalan identiti yang berkembang menjadi persoalan identiti kebangsaan.

MENJEJAK PENDIDIKAN KOLONIALISME

Apabila kita menjejak sejarah kolonialisme, pendidikan merupakan alatan terpenting dalam usaha memperkukuhkan kuasa, pengaruh dan wibawa pihak empayar. Malah dalam *The Post-Colonial Studies Reader* (1995), Ashcroft, Griffith dan Tiffin menerangkan bahawa pendidikan menjadi teknologi bagi agenda kolonial melalui dua pendekatan yang penting dan berlaku secara intrinsik dalam usaha menjalinkan penyerapannya. Pertama, ia membina hujah bahawa Inggeris sebagai piawai ataupun merupakan ukuran dan mendakwa aspek ini akan menjadi lebih sejagat khususnya dalam konteks nilai yang terkandung dalam teks kesusasteraan Inggeris. Yang kedua, pendidikan Inggeris merupakan lambang bagi yang dijajah bahawa mereka memang mewarisi keadaan hidup dalam serba kekurangannya liar, gasar, tidak bertamadun (1995: 426) Bentuk ini dapat dianggap sebagai 'teknologi' kawalan sosial yang memperkuatkan portal tekstual. Pembacaan puisi, persembahan daripada naskhah drama, atau teks prosa karya pengarang Inggeris tidak sekadar dijadikan praktis pengajaran kesusasteraan, merupakan bentuk yang berkesan yang di dalamnya terkandung moral, spiritual dan penyemaian beraura politik (1995: 426).

Selain itu, penerimaan teks sebagai sejumlah bentuk untuk mengenal budaya tidak dapat dinafikan. Penerimaan ini menyusup ke dalam sistem pendidikan yang tidak sekadar membawa masuk sukatan pelajaran, malah turut membawa pandangan dunia yang berlainan dengan pandangan dunia penduduk peribumi. Malah penubuhan perpustakaan merupakan penyerapan kolonialisme atau dianggap sebagai “pengajaran dari tuan”. Kesemua buku yang terdapat di perpustakaan tersebut mengandungi budaya, ‘tamadun’, peradaban bangsa lain daripada bangsa peribumi. Teks inilah yang dilentur untuk dijadikan perlakuan ritual yang dipersembahkan kepada anak jajahan.

BAHASA SEBAGAI PENGUCAPAN INTELEKTUAL

Setiap negara membangunkan bahasa menjadi pengucapan intelektual. Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan bahawa aspek ini kurang diyakini terutamanya dalam kalangan elit politik yang mendapat didikan dalam bahasa lain. Inilah kebimbangan di negara yang baharu merdeka. Ngugi Wa Thiong berkata bahawa:

We never asked ourselves: how can we enrich our languages? How we ‘prey’ on the rich humanist and other heritage in the struggles of other people in the other times and other places to enrich our own? Why not have Balzac Tolstoy, Sholokov, Brecht, Lu Hsun, Pablo Neruda, H.C. Anderson, Kim Chi Ha, Marx, Lenin, Albert Einstein, Galileo, Aeschylus, Aristotle and Plato in Africa languages? And why not create literary monument in our own languages ... What was our responsibility to the struggles of African peoples. (1986: 8–9)

Apabila persoalan tersebut dirujuk dalam konteks negara kita, wujudkah pemikir penting yang dianggap cukup intelektual yang memberi sumbangan terhadap tamadun negara. Apakah kita sudah bersedia untuk menjawab persoalan ini? Sekiranya kita belum lagi bersedia menjawabnya bermakna sesuatu perlu disegerakan untuk membangkitkan revolusi intelektual di negara kita.

PENGALAMAN BAHASA AFRIKA

Pengalaman kuasa bahasa di Afrika begitu menarik untuk diketengahkan. Sebagai contoh, dipaparkan suasana bahasa di Kenya seperti yang dicatatkan oleh Ngugi Wa Thiong:

The attitude to English was the exact opposite: any achievement in spo-

ken or written English was rewarded; prizes, prestige, applause; the ticket to higher realms. English became the measure of intelligence and ability in the arts, the sciences, and all the other branches of learning. English became the main determinant of a child's progress up the ladder of formal education. (1986:12)³

Ngugi Wa Thiong penulis dari Kenya (kini profesor kesusasteraan bandingan) pernah menceritakan pengalaman kolonialisme di negaranya. Katanya, semasa di bangku sekolah dahulu terdapat enam mata pelajaran yang mesti lulus iaitu, dari matematik hingga ke kajian alam dan bahasa Kiswahili. Kesemuanya ditulis dalam bahasa Inggeris dan sesiapa yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bermakna gagal dalam peperiksaan meskipun cemerlang dalam mata pelajaran lain. Malah Ngugi pernah menceritakan seorang budak di kelasnya pada sekitar tahun 1954 yang mendapat keputusan cemerlang dalam kesemua mata pelajaran kecuali Bahasa Inggeris. Akibatnya, dia gagal seluruh peperiksaan tersebut dan menyebabkan masa depannya gelap dan terpaksa bekerja di syarikat bas, sedangkan Ngugi sendiri yang cuma lulus sahaja dalam semua mata pelajaran tetapi hanya mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris berjaya mendapat tempat di Alliance High School, salah sebuah institusi yang paling elit di Afrika pada zaman kolonial. Begitu juga syarat kelayakan ke universiti. Makerere Kolej Universiti tidak menerima prasiswazah melainkan yang mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris. Inilah yang mendorong Ngugi (1986) menyatakan bahawa “Bahasa Inggeris alat rasmi dan formula ajaib ke arah pemerintahan kolonial.”

Suasana yang nampak kurang adil terhadap masyarakat Kenya yang ternyata berlainan budaya, peradaban dan kesukaran mengadaptasikan budaya berbahasa Inggerislah yang menyebabkan Ngugi sedar mengenai masalah bangsanya. Inilah yang menyebabkan Ngugi bersama Henr Owuor-Anyumba dan Tabab Lo Liyong telah memainkan peranan penting dalam usaha menghapuskan Jabatan Pengajian Inggeris dan menggantikannya dengan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Afrika. Menurut Ngugi, tindakan ini bukanlah untuk menolak aliran kebudayaan lain khususnya aliran kebaratan tetapi untuk mendapatkan arah dan perspektif kajian kesusasteraan dan budaya sendiri yang pada masa akan datang akan dimasukkan ke dalam sukatan dan kajian akademik di universiti di Afrika.

Dalam jangka panjang, hal ini merupakan orientasi awal untuk menempatkan Kenya, Afrika Timur dan Benua Afrika ke suatu pusat atau bakal menjadi naratif besar selain untuk meninjau daripada perspektif Afrika yang

melibatkan budaya Afrika, akar kesusasteraan Afrika yang lampau, kesusasteraan Asia dan kesusasteraan Eropah sebagai perbandingan. Ini dikatakan cukup bermakna apabila diteliti di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Afrika di Universiti Afrika.

Lanjutan daripada suasana ini, beberapa Jabatan Bahasa Inggeris di Komanwel dan bekas negara Komanwel telah menghapuskan nama tersebut (termasuk universiti di Amerika) tetapi mengekalkan kesusasteraan Inggeris sebagai teras kurikulum. Walaupun asas ini berubah dalam teori kesusasteraan, kebanyakannya masih lagi mengekalkan orientasi Barat meskipun tidaklah ke tahap yang didominasi. Inilah yang dikatakan oleh Altbach bahawa perubahan linguistik tidak disertai pula dengan perubahan kurikulum. Pada pandangan pengkaji, fenomena ini wujud kerana perubahan ini lebih bersifat politik daripada linguistik.

PENGALAMAN DAN SITUASI INDIA

India merupakan negara bekas tanah jajahan yang kini masih lagi mengutamakan bahasa penjajah. Hal ini banyak dipengaruhi oleh elit politik yang terdidik dengan semangat kolonialisme kerana mendapat didikan asuhan dari negara penjajahnya. Inilah suasana yang melatari India. Daripada kajiannya, Philip C. Altbach (1995:453) mendapati bahawa:

Emerging elite groups were Western-oriented, in part as a result of their education. In some instances, in fact, individuals were even unfamiliar with their own indigenous language.

Malah, menurut beliau kesinambungan penggunaan bahasa Eropah di kebanyakan negara membangun merupakan salah satu aspek neokolonialisme dan memberikan warisan kolonialisme terhadap negara membangun. Malah Nigeria, Ghana, India, Pakistan dan kebanyakan negara penutur bahasa Perancis di Afrika tidak mempunyai bahasa kebangsaan peribumi yang tunggal. Justeru, bahasa Inggeris digunakan dalam pentadbiran dan pendidikan. Inilah antara faktor yang merumitkan pembangunan negara membangun. Terdapat jurang pemisahan bahasa, budaya dan gaya pandang dalam kalangan penduduk setempat yang menyukarkan pemahaman dan penerimaan mengenai isu pembangunan. Sekiranya terdapat kecenderungan bagi proses pemindahan bahasa Eropah dengan media tempatan, hal ini berlaku dalam gerak perlahan dan agak rumit perjalanannya kerana banyak cabaran dan tentangan yang harus dihadapi.

India bukanlah negara yang termaju. Salah satu faktor utama ialah negara tersebut menggunakan bahasa asing sebagai bahasa utama dan begitu berpengaruh di negara tersebut. Walau bagaimanapun, penggunaan dan kefasihan tersebut cuma berlegar dalam kalangan yang terdidik tinggi dan tidak menyerap dalam kalangan rakyat massa. Hal inilah yang menimbulkan masalah untuk membangunkan negara kerana komunikasi pembangunan tidak dapat menyerap hingga ke akar umbi. Pengabaian bahasa peribumi begitu nyata di negara tersebut, ini dibuktikan apabila kajian mengenai bahasa di India masih lagi dianggap oleh Altbach sebagai mundur dan terpinggir berbanding penekanan yang lebih kepada bahasa Inggeris pertuturan dan sesuatu yang berprestij dalam penerbitan jurnal dalam bahasa Inggeris. Menurut Philip G. Altbach (dlm. Ashroft: 1995: 455)

Indian economists have been more concerned with 'model building' and theory than with the sometimes undramatic local problems of development. Indian sociologists have been criticized in scholarly journals for their ignorance of local issues and social structures and their stress on Western-oriented sociological theory.

Kenyataan tersebut dapat dilihat melalui pelbagai retorik tentang pembangunan. Terdapat banyak teori pembangunan, model pembangunan dengan berbagai-bagai kerangka pembangunan, namun aspek pelaksanaan secara realitinya tidak setangkas teori yang dikemukakan. Dari segi pembangunan intelektual pula, negara maju seperti Perancis, Amerika sering memberikan tempat kepada intelektual di negara tersebut untuk mengajar di universiti dengan ganjaran wang yang jauh lebih besar daripada yang dibayar oleh negara asal mereka. Negara maju memberi subsidi kepada penerbitan buku teks dan jurnal demi mengekalkan status quo, imej dan status kebaratan. Malah di negara terbabit, biasiswa diperuntukkan kepada pelajar yang belajar di negara maju dan sejumlah guru dan para teknikal dihantar untuk membangunkan kawasan. Kesemua faktor ini membantu dalam kesinambungan bekalan tenaga intelektual bagi membantu usaha memajukan kawasan. Apakah keuntungan yang didapati oleh India. Altbach (1995: 456) memberikan pandangan yang cukup baik dalam hal ini. Menurut beliau, pembangunan intelektual ialah;

American assistance has established an American Studies Research Institute in India, complete with a scholarly journal in which Indian academic may write on American-related topics. Of no basic relevance to India's modernization, this institute will help to produce over the long run a group of Indian professors favorable to the American cause, and

perhaps professionally tied to it.....It is no surprise that relations between advanced industrial nations and developing countries in many respects are unequal.

REALITI BAHASA DI MALAYSIA

Implikasi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS)

Atas nama kecemerlangan pendidikan, Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (pindaan) 1995 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada penghujung tahun 1995. Yang menentukan corak dan perkembangan pendidikan tinggi negara ialah Rang Undang-Undang Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk meluluskan IPTS yang bertaraf universiti, sama ada yang ditubuhkan di Malaysia sebagai sebuah universiti tempatan ataupun memberikan laluan kepada universiti luar negara untuk mengembangkan kampusnya di negara ini. Melalui rang undang-undang ini, Menteri Pendidikan akan menyelaras penubuhan dan pelaksanaan pendidikan di IPT tempatan kerana universiti luar negara yang bercadang menubuhkan cawangan mereka di negara ini perlu mendapat kelulusan Menteri Pendidikan Malaysia terlebih dahulu. (Sham Sani, 1996:15) Kesan daripada akta ini tertumbuhlah IPTS persis tumbuhnya cendawan selepas hujan. Sekarang wujud IPTS yang sukar untuk dihitug jumlah sebenar; sama ada aktif atau statik. Yang pastinya, jumlah IPTS dikatakan melebihi 500 buah sedangkan negara kita jumlah lebih kurang 20 juta sahaja penduduknya. Barangkali negara kita merupakan negara yang paling banyak universiti di dunia ini berbanding dengan bilangan penduduk. Suasana ini menggambarkan bahawa berlakunya pengkomersialan pendidikan dan kini pendidikan menjadi industri yang berkonsep untung-rugi bukan lagi suatu obligasi sosial, tuntutan pembinaan ilmu unggul ataupun sejajar dengan perjuangan golongan nasionalis.

Kesannya, Akta Pendidikan 1996, Fasal 17 (1) dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 1996, Fasal 41 (3) memberi kelonggaran terhadap penggunaan bahasa pengantar. Terdapat seruan agar bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar kursus sains dan teknologi. Mengapakah suasana ini berlaku? Adakah ini menggambarkan ketidakyakinan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa ilmu? Atau pun bahasa Inggeris sahaja yang mempunyai status ilmu dan bersifat universal? Di Jepun, Taiwan, Korea Selatan, dan Perancis, kursus berbentuk sains dan teknologi diajarkan dalam bahasa ibunda masing-masing. Sekiranya negara ini dan negara maju lain

yakin menggunakan bahasa ibunda mereka untuk mengajar kursus sains dan teknologi, mengapa kita tidak yakin menggunakan bahasa ibunda sendiri sebagai bahasa sains dan teknologi. Ilmu yang diserap dalam bahasa ibunda melahirkan penerima ilmu yang kritis dan kreatif manakala ilmu yang diterima mentah-mentah tanpa dicerna dengan budaya fikir peribumi agak sukar menjadikan penerimanya kritis dan kreatif-mereka menerimanya dengan seada-adanya. Proses pemahaman bahasa luar dengan dijalinkan dengan bahasa nasional merupakan suatu perjalanan intelektual yang cukup bijaksana.

Selain itu, penekanan yang melampau terhadap penggunaan bahasa Inggeris di IPTS perlu dielakkan bagi mengelakkan dualisme dalam masyarakat yang akan terus terpisah berdasarkan bahasa dan cara hidup, dan mengancam perkembangan bahasa Melayu dan aliran Melayu, dan seterusnya memberi kesan buruk kepada rancangan perpaduan kebangsaan. Bayangkanlah bahasa Melayu cuma digunakan sebagai bahasa pasar (itupun bahasa rojak) dan apabila di kompleks membeli-belah yang besar menggunakan bahasa bukan ibunda.

Bahasa Inggeris Mengambil Tempat dan Kedudukan

Akibat penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di lebih 250 daripada 293 IPTS telah terdapat dua sistem pendidikan peringkat pengajian tinggi dan seterusnya dua golongan masyarakat terpelajar di negara ini. Sedangkan lebih 85% daripada penduduk Malaysia selepas kemerdekaan mengetahui bahasa Melayu. Dan menurut suatu kajian, hanya kira-kira 25% penduduk Malaysia yang menguasai bahasa Inggeris di berbagai-bagai peringkat kefasihan, kebanyakannya pada peringkat "Malaysian English", yakni bukan bahasa Inggeris tinggi (Memorandum Melayu dalam Pembangunan, 1998: 80). Walau bagaimanapun fakta ini diabaikan oleh swasta dan pihak berkuasa. Demikian pula, tidak ada syarat yang jelas untuk memastikan pemberian kebenaran kepada IPTS untuk beroperasi dengan mengenakan syarat tertentu supaya menyediakan rancangan untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

Pada masa yang sama, kedudukan bahasa Inggeris sebagai alat pengantar pendidikan tinggi di dalam negeri semakin dipupuk dan semakin penting setelah kerajaan membuat keputusan untuk membenarkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam kursus sains dan teknologi. Keputusan ini akan menyaingi, malah akan menggugat, kedudukan bahasa Melayu yang kira-kira sudah mantap itu sebagai bahasa ilmu. (Memorandum Bangsa Melayu dalam Pembangunan, 1998: 81)

Bahasa Berstatus Ilmu: Pengalaman Malaysia

Sebelum tahun 1995 tradisi penerbitan buku dalam bahasa Melayu cukup kuat (terutamanya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka). Namun apabila pihak berkuasa seolah-olah memberikan isyarat membenarkan penggunaan bahasa Inggeris kononnya memudahkan penyertaan global dan bahawa bahasa Inggeris bahasa kemajuan maka tradisi penerbitan buku berbahasa Melayu terjejas sedikit. Didapati juga, jumlah penerbitan buku di universiti tidak sejajar dengan peningkatan jumlah dan pertumbuhan universiti. Kewujudan universiti/kolej swasta ditubuhkan sebagai kaedah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Terdapat ironi yang berlaku di lebih daripada 500 kolej swasta (yang menggunakan dan menganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa kemajuan ini). Sebenarnya terdapat kepincangan dalam penerbitan buku yang merupakan piawai mengukur akademik itu sendiri. Tenaga pengajar atau pensyarah di universiti swasta atau kolej swasta yang dikatakan bertaraf antarabangsa itu gagal memberikan sumbangan ilmu untuk diketengahkan kepada masyarakat. Setakat ini belum ditemui buku mereka yang setanding dengan penerbitan buku ilmu yang lain seperti Routledge, Blackwell, Sage, Penguins, McGraw-Hill, Prentice-Hall, Harper Collins, Vintage Books, Fontana, Cambridge, Oxford, Harvard, Yale, Princeton University Press, Polity Press. Apakah yang dapat kita rumuskan dengan situasi ini?

Apabila suasana ini diambil kira dalam menilai sumbangan ilmu untuk pembangunan maka jelaslah bahawa ada sesuatu yang tidak wajar berlaku di sini kerana di suatu pihak bahasa Inggeris dilaung-laungkan sebagai bahasa pembangunan, namun pihak yang melaung-laungkan itu sendiri gagal membuktikan bahawa penggunaan bahasa tersebut dapat dimanfaatkan dalam pembangunan Malaysia.

Yang masih berterusan memberikan sumbangan ke arah pembangunan negara melalui kajian dan penerbitan masih lagi dalam kalangan sarjana IPTA tempatan yang sentiasa berusaha mengangkat taraf bahasa Melayu melalui penerbitan dan pada masa yang sama menulis/menerbit dalam bahasa Inggeris. Ini merupakan suatu kemenangan kepada IPTA yang konsisten dan seimbang dalam bidang pengajaran dan penyelidikan juga. Malah terdapat karya berbahasa Melayu tersebut yang diterjemahkan ke dalam bahasa dunia lain selain bahasa Inggeris.

Kejayaan Sistem Pendidikan Kebangsaan

Sistem pendidikan kebangsaan telah membuktikan bahawa penggunaan

bahasa Melayu telah berjaya melahirkan suatu generasi rakyat Malaysia daripada semua kaum yang fasih berbahasa Melayu. Masyarakat yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, Melanau, Kadazan, Kenyah, Dusun, Orang Asli, Iban, Kelabit, Iranum, Bajau, India, Kayan, Penan, Kedayan, Punan malah percampuran bangsa lain seperti Inggeris membuktikan pencapaian rekod luar biasa dalam masyarakat multietnik. Di Sarawak selepas MCE dimansuhkan pada tahun 1984, lahir generasi baharu yang lebih fasih berbahasa Melayu. Kesemua etnik juga mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dan berkesan. Hal ini disebabkan tidak lain kerana wajib lulus dengan kepujian Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia. Bahasa Melayu juga telah dijadikan perhubungan peringkat tinggi antara kaum dalam lapangan sosial, ekonomi, politik dan budaya. Suasana ini haruslah dipertahan dan diperkukuhkan dengan tindakan yang bijaksana dan tidak merugikan bahasa Melayu sendiri.

Pengalaman pengkaji di Sarawak membuktikan bagaimana bahasa Melayu cukup merakyat meskipun bangsa Melayu cuma mewakili 20% ataupun 348 000 daripada keseluruhan penduduk negeri (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1992: 2). Saya mendapati generasi berumur 34 tahun ke bawah menguasai bahasa Melayu. Perhubungan kami dengan bangsa lain seperti Melanau, Iban, Bidayah, Kedayan, Kenyah, Penan cukup selesa dengan berbahasa Melayu. Bahasa Melayulah yang menjadi bahasa perantaraan dan komunikasi dalam kalangan 28 etnik dan bahasa itu. Bayangkanlah sekiranya setiap etnik tidak mahu mengalah dan cuma ingin memartabatkan bahasa etnik masing-masing. Sudah pasti terdapat masalah perhubungan dan komunikasi. Bahasa Melayu di Sarawak diiktiraf sebagai alat perpaduan dan penyatuan etnik yang paling banyak di Malaysia. Sekiranya Sarawak dapat dijadikan model terbaik dalam penggunaan bahasa dengan kepelbagaian etnik, mengapakah negeri lain di Malaysia tidak mengambil teladan ini?

Walau bagaimanapun, peranan bahasa Melayu seharusnya lebih daripada bahasa perpaduan dan bahasa rasmi. Bahasa Melayu harus diangkat sebagai bahasa yang mempunyai status ilmu dan dapat mengungkap apa jua disiplin termasuk sains dan teknologi. Melabel bahasa sekadar sebagai bahasa rasmi dan perpaduan tanpa pelaksanaan yang bijaksana akan menghilangkan kredibiliti bahasa itu sendiri.

CABARAN BAHASA DI NEGARA MEMBANGUN

Sejarah menunjukkan bahawa tidak ada bangsa di dunia yang berjaya membina tamadun bangsanya yang tinggi melalui bahasa asing, bahasa

pinjaman dan bahasa penjajah. Di Afrika, beberapa negara seperti Nigeria, Ghana, Gambia, Zimbabwe, Zambia menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi dan tunggal. Sementara di Chad, Benin, Paso, Republik Afrika Tengah, Congo, Zairi, Haiti, Ivory Coast pula, bahasa Perancis digunakan sebagai bahasa rasmi. Cameroon menggunakan bahasa Inggeris dan Perancis sebagai bahasa rasmi. Surinam menggunakan dua bahasa rasmi, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Belanda. Begitu juga Sri Lanka, Jamaica, Bangladesh dan sebagainya yang menerima sains dan teknologi dalam bahasa asing. Namun negara tersebut masih tidak mencapai status negara maju. Negara Thai lebih terkedepan berbanding Filipina. Di Singapura pula yang dikatakan maju pun belum ada pemikir besar dihasilkan (Awang Azman, 2001).

Pemikir besar dunia meluahkan hasil pemikiran mereka dalam bahasa ibunda masing-masing. Lyotard, pelopor penting dalam pemikiran pascamoden dunia falsafah begitu selasa dalam meluahkan pemikirannya dalam bahasa Perancis. *Just Gaming* (bersama Lean-Loup Thebaud) yang dihasilkan dalam bahasa Perancis 1979 diterjemahkan ke bahasa Inggeris pada tahun 1984, *The Different: Phrases in Dispute* (1983) diterjemahkan pada tahun 1986. *The Postmodern Condition: A Report on Knowledge* diterjemahkan pada tahun 1984. *The Inhuman: Reflections on Time* dihasilkan 1988 diterjemahkan pada tahun 1991, *The Postmodern Explained to Children: Correspondence 1982–1985* (1988) diterjemahkan pada tahun 1992 dan berbagai-bagai lagi buku tulisan beliau ditulis dalam bahasa Perancis. Bahasa ekspresif Lyotard ialah bahasa Perancis. Beliau berfikir, beremosi dalam bahasa Perancis. Karya beliau dianggap asli, autentik dan besar serta menjadi rujukan dalam bidang pasacamoden dan pascastrukturalisme. Yang menariknya beliau tidak pernah sesekali berasa kecil di khalayak dunia antarabangsa. Keperibadian ini menunjukkan beliau mempunyai rasa bangga dan jati diri dengan menggunakan bahasa ibunda dan memartabatkannya sebagai bahasa ilmu.

MASALAH PENGUASAAN BAHASA

Masalah penguasaan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris harus ditinjau dari segi kaedah pengajarannya. Agak lucu apabila bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah dipelajari selama 11 tahun. Namun kedua-dua bahasa tersebut masih tidak dapat dikuasai. Malah dalam esei yang dihasilkan pada peringkat universiti pun masih terdapat kesalahan bahasa Melayu.

Apakah kelemahan ini merupakan kelemahan kaedah dan kemudahan pengajaran bahasa itu? Kita seharusnya mengambil iktibar pengalaman

kebanyakan negara lain dari segi kaedah pengajaran dan hasilnya sesuatu bahasa asing itu dapat dikuasai. Malah ada di negara maju yang pengajaran bahasa Inggeris diperkenalkan di tingkatan satu, tetapi dapat menghasilkan pelajar yang dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Begitu juga pengalaman petugas Peace Corps Amerika Syarikat yang mampu menguasai bahasa asing dalam tempoh enam bulan (bekas petugas Peace Corps dan kini profesor/sarjana antropologi di Universiti Loyola Amerika Syarikat merupakan antara contoh ini) sahaja dan pengalaman orang Australia yang dapat menguasai bahasa asing dalam tempoh 520 jam patut dijadikan teladan bagi perancangan pengajaran bahasa asing dalam sistem pendidikan negara. Masalah ketidakfasihan dalam penguasaan bahasa Ingeris, misalnya perlu ditangani dengan bijaksana. Pada peringkat doktor falsafah atau sarjana di luar negeri, misalnya sekiranya seseorang kurang berkeupayaan dalam berbahasa Inggeris, maka kursus intensif akan diberikan kepadanya.

Oleh itu, jika pegawai diplomatik tidak fasih berbahasa Inggeris, maka mereka harus diberikan kursus bahasa tersebut. Dalam konteks pegawai kedutaan, setakat mengetahui bahasa Inggeris sahaja tidak memadai. Mereka harus menguasai bahasa lain. Sekiranya mereka bertugas di Perancis, atau di Jepun ataupun di negeri Arab, bahasa Inggeris tidak dapat digunakan secara meluas. Kelemahan penguasaan bahasa harus diselesaikan secara profesional dan tidak secara emosi.

HAKIKAT DAN MASA DEPAN BAHASA

Dalam keghairahan untuk menjadi peserta “dunia global” kita tidak harus mengetepikan hakikat bahawa kekuatan dan kemajuan bangsa kita masih tetap bergantung pada keupayaan sistem pendidikan kebangsaan untuk membina manusia dan bangsa yang berdaya fikir, berdaya cipta dan berhemah tinggi sesuai dengan nilai dan tradisi tempatan. Di dunia ini tidak ada apa-apa sistem atau pembangunan insan yang sejagat, yakni yang dapat digunakan oleh semua bangsa dan negara. (Memorandum Bangsa Melayu dalam Pembangunan, 1998). Hal ini demikian kerana terdapat kepelbagaian dan kelainan budaya, geografi, sejarah antara sesebuah negara dengan negara lain.

Sejarah peradaban manusia memperlihatkan bahawa kebangkitan dan kemajuan sesuatu bangsa sering digerakkan oleh peranan kreatif sekumpulan intelektual yang mengubah pandangan dan budaya hidup bangsanya daripada suatu kecenderungan asal mewujudkan kepada kecenderungan yang terbuka dan maju. Contohnya, bangsa Arab dalam abad ke-18 hingga ke

abad ke-13, kebangkitan bangsa Eropah dalam abad ke-13 hingga ke abad ke-16 dan kebangkitan bangsa Jepun pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 dan bangsa China pada awal abad ke-20 (Memorandum Bangsa Melayu dalam Pembangunan, 1998:33). Sampai bilakah kita memerlukan dan menunggu kebangkitan intelektual dalam bentuk ini secara lebih menyeluruh dan bersifat massa?

Persoalan ini mempunyai asas yang cukup kuat kerana terdapat kajian IRPA (Intensified Research in Priority Areas) yang cukup baik untuk diketengahkan bagi meninjau peranan bahasa dan sastera Melayu dalam pembinaan negara. Kajian akademik yang dilakukan oleh Fakulti Pengajian Bahasa di UKM (1998) berkisar tentang peranan bahasa dan sastera dalam pembinaan bangsa. Kajian yang melibatkan 5000 responden di seluruh Malaysia mendapati bahawa masyarakat massa amat yakin akan peranan kesusasteraan untuk pembinaan bangsa (65%). Kesusasteraan berbahasa Malaysia memainkan peranan utama mendapati 81% penduduk luar bandar bersetuju, 74.6% penduduk bandar dan 66.2% datangnya daripada penduduk banda raya metropolitan. Kesemuanya melibatkan kategori 16–21 tahun. Yang lebih utama dalam kajian ini mengabsahkan bahawa 75% daripada keseluruhan responden memikirkan bahawa hanya kesusasteraan dalam bahasa Melayu yang dapat memainkan tugas ini berbanding cuma 20.3% yang memberikan keyakinan terhadap kesusasteraan dalam bahasa Inggeris. (Kajian IRPA oleh Zalina Mohd Lazim dan Noraini Md. Yusof, 1998: dipetik oleh Zawiah Yahya, 2001.) Kita perlu memartabatkan dan mengukuhkan bahasa Melayu sebagai bahasa yang benar-benar berstatus ilmu.

KESIMPULAN

Kejayaan sesebuah tamadun bangsa memperlihatkan kebijaksanaan golongan intelektual memainkan peranan penting untuk kemajuan bangsa. Kebijaksanaan dan daya tanggapan yang tinggi ini biasanya dilengkapi dengan kerjasama dan sokongan padu dari pihak berwenang ataupun pembuat dasar negara. Sesebuah negara semakin berkembang dan terhormat sekiranya terdapat bentuk kerjasama yang padu di antara mereka dan bukan pula sebaliknya. Sekiranya berlakunya sebaliknya, maka tamadun sesebuah bangsa akan semakin muram dan menandakan kemurungan sesebuah bangsa dan tamadun itu sendiri.

NOTA

- 1 Menurut Bastin (1964) Winstedt mempelajari kurus metafizika di Oxford. Winstedt mulanya berminat menjadi pegawai kolonial di India lalu menduduki peperiksaan Gabungan Perkhidmatan dalam Negeri India dan Tanah Jajahan. Akan tetapi beliau tersalah membaca soalan peperiksaan menyebabkan markahnya rendah, lantaran itu dia dihantar ke Perak pada tahun 1902 sebagai pegawai pelatih.
- 2 Penggunaan gaya istilah ini dapat dibuktikan melalui tulisan Ishak Shaari dan Jomo, K.J.S., 1982. "Income Inequalities in *Post-Colonial Malaysia*" dalam jurnal *Pacific ViewPoint* (2391):67-76.

RUJUKAN

- Ahmad, A., 1992. *Classes in Nations Theory Literatures*. London: Verso.
- Altbach, P.G., "Education and Neocolonialism" dlm. Ashroft *et al. The Post-Colonial Studies Reader*. 1995. London: Routledge.
- Ashcroft, B., *et. al.*, 1995. *The Post-Colonial Studies Reader*. London: Routledge.
- Anderson, B., 1983. *Imagined Communities: Reflections on the Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Awang Azman Awang Pawi, 2001. *Wibawa Bahasa Sebagai Pelacakan Intelektual. Yang Indah Itu Bahasa*. Kuching: DBP Cawangan Sarawak.
- Awang Azman Awang Pawi, 2001. *Pascakolonialisme Satu Tanggapan Awal*. Dlm. *Jurnal Arah*.
- Awang Azman Awang Pawi, 2001. "Zeitgeist di Cakera Nusantara". Kertas kerja dibentangkan di Hotel Istana dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara pada 26-29 Ogos 2001. Anjuran Majlis Sastera Asia Tenggara dan Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Awang Azman Awang Pawi, 2001. "Meragui Metanaratif: Pascakolonialisme Mengambil Pemilikan dan Kedudukan". Kertas kerja dibentang di Bilik Senat, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu ke-VII pada 10-12 September 2001.
- Awang Azman Awang Pawi. "Pascamodenisme dan (Wajah?) Kita". *Jurnal Pemikir* Oktober-Disember 2001.
- Awang Azman, 2001. "Ngugi Wa Thiong dan Kebudayaan Peribumi". *Mei Dewan Sastera*.
- Bastin, John Sturgue (ed.), 1964. *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty Fifth Birthday*. Oxford: Clarendon Press.
- Chamber, I dan Curti, L., 1996. *The Post-Colonial Question*. London: Routledge.
- Grittith, Stephanie, "Not Everyone Speaks English in America" dlm. *Sun Viva*, September 11, 2001.
- Memorandum Bangsa Melayu dalam Pembangunan*, 1998. Institut Tamadun dan Alam Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia dan Forum

Kebangsaan Malaysia.

Mommsen, Wolfgang J., 1982. *Theories Of Imperialism*. (terjemahan oleh P.S. Falla). Chicago: University of Chicago Press.

Sham Sani, 1996. "Universiti Kebangsaan Malaysia di Persimpangan Sejarah: Syarahan Tahunan Naib Canselor". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

William P., dan Chrisman L., 1993. *Colonial Discourse and Post-Colonial Theory: A Reader*. New York: Harvester Wheatsheaf.

Zawiah Yahya, 2001. "Imagined Realites: Nation Buliding Through Literatures". Kertas Kerja dibentangkan di Hotel Istana dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara pada 26–29 Ogos 2001. Anjuran Majlis Sastera Asia Tenggara dan Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

